

# PM: Parti pembangkang tidak mampu laksana idea sendiri

23 JUN 1986

**KETEREH** (Kelantan), Sabtu — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** berkata parti pembangkang tidak mampu melaksanakan setengah-setengah daripada idea mereka dalam sebuah masyarakat majmuk seperti di negara ini, tanpa membangkitkan perasaan perkauaman.

Katanya, pelaksanaan hasrat mereka itu akan menimbulkan huru-hara di kalangan rakyat berbilang agama dan keturunan di negara ini.

Dalam perutusannya di buku cenderamata sempena perasmian mesyuarat agung tahunan pertama Umno Ba-

hagian Kok Lanas dekat sini, Perdana Menteri meminta seluruh ahli Umno bersatu padu dan bekerja kuat bagi menentukan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

"Seluruh ahli Umno, khususnya di Kelantan, perlu bersatu padu dan bekerja kuat supaya kemudahan dan kemajuan yang diberikan oleh kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat akan terus terlaksana," katanya.

## Kemajuan

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, dijadual berucap di satu perhimpunan di padang Majlis Daerah Kota Bharu, Kettereh, kira-kira jam 3 petang esok.

Ketua Umno Bahagian Kok Lanas, Datuk Abdulah Ahmad, berkata masih ramal rakyat Kelantan, kebanyakannya Melayu, memerlukan pelbagai kemudahan asas.

"Mereka ini sangat mengidamkan pembangunan dan kemajuan yang sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan orang di Kuala Lumpur, apa lagi di Eropah, Amerika, Jepun dan negara-negara maju yang lain," katanya.

Menurutnya, di bawah pimpinan dinamik dan jujur, hasrat yang diidamkan oleh orang Melayu dapat dicapai tanpa sedikit pun mengurangkan identiti Melayu dan Islam mereka.